

## Samudra-Pasai Sebagai Bandar Dagang dan Pusat Budaya

TEUKU IBRAHIM ALFIAN

### ABSTRAK

*Wilayah Samudra-Pasai yang terletak di Kabupaten Aceh Utara mempunyai sejarah masa lampau yang gemilang. Daerah ini terkenal sebagai tapak bermulanya perkembangan agama Islam di Nusantara. Lebih dari itu lokasinya yang strategik telah meletakkan Samudra-Pasai sebagai pelabuhan dan pusat dagangan yang penting di antara abad ke-13 dan awal abad ke-16. Justeru beberapa penemuan artifek budaya dalam bentuk wang siling dan kaligrafi pada batu nesan dan batu-batan lainnya merupakan bukti tentang wujudnya kerajaan Melayu-Islam yang pertama di Nusantara, yang dikukuhkan oleh aktiviti perdagangan yang agak penting di waktu itu.*

### ABSTRACT

*Samudra-Pasai as a region in the district of Northern Aceh has a glorious historical past. This region is well known as a foothold for the spread of Islam in the Malay Archipelago. Its strategic location has enabled trading activities to flourish making it as one of the most important ports in South-east Asia between 13th and 16th century. Some cultural artifacts discovered in this region like calligraphy on the tombstones and coins are ample proofs of the existence of an Islamised Malay Kingdom supported by trading activities as the economic base.*

Di sebuah lokasi peninggalan sejarah 2000 tahun yang lalu di Seoul Korea Selatan, terdapat sebuah taman yang diberi nama Olympic Park. Di antara karya pengukir antarabangsa yang terkumpul di taman itu terdapatlah sebuah patung karya seorang pengukir kontemporer Indonesia, Arsono namanya. Patung yang dipahat pada tahun 1988 dengan warna merah *carmine* itu diberi judul "Circle" berharga 70,000 Franc Perancis.

Sumber inspirasi sang seniman beserta ciptaannya yang diperkatakan di atas menggambarkan suatu ragam hias gumpalan awan berarak, yang dalam bahasa Acehnya dinamakan *Bungong Awang Awang*, atau *Flower of the Universe*, berasal dari batu peninggalan sejarah di kawasan Kerajaan Samudra-Pasai. Tentulah tidak mungkin Kerajaan Samudra Pasai memiliki karya seni pahatan yang indah di atas batu pualam, seperti

yang banyak terdapat di kerajaan itu, jika bandarnya tiada makmur dan ekonominya tidak berkembang maju.

Pada abad ke-13, bandar Samudra-Pasai bersama dengan Pidie menjadi pusat perdagangan antarabangsa dengan lada sebagai salah satu barangan eksport utamanya. Pedagang-pedagang India yang terdiri dari orang-orang Gujarat, Benggala, dan Keling, serta pedagang-pedagang dari Pegu, Siam, Kedah, dan Beruas mengendalikan kegiatan perdagangan di Selat Melaka. Di samping itu, terdapat juga pedagang-pedagang dari Cina, Arab, Parsi, dan Jawa. Sebahagian di antara mereka berdagang di Pasai, sebahagian di Pidie, dan yang selebihnya bergiat di Melaka (Tome Pires 1:44).

Hubungan dagang juga terjalin antara Samudra-Pasai dengan Pulau Jawa. Pedagang-pedagang Jawa membawa beras ke Pasai dan dari pelabuhan ini mengangkut lada ke Pulau Jawa. Pedagang-pedagang Jawa mendapat kedudukan yang istimewa di pelabuhan Samudra-Pasai dengan dibebaskan mereka dari pembayaran cukai import dan eksport (Tome Pires, 11:239).

Tome Pires (1:139) membuat anggaran Pasai mengeksport lada kira-kira 8,000 sampai 10,000 bahar setiap tahun, atau sebanyak-banyaknya 15,000 bahar jika terdapat hasil benih yang luar biasa baiknya. Di samping lada, Pasai juga mengeksport sutra, kapur barus, dan emas yang didatangkan dari daerah pedalaman. Adalah diandaikan bahawa budaya menganyam sutra diperkenalkan oleh orang-orang Cina (Meilink-Roelofst 1962:90). Menurut keterangan Giovanni da Empoli, raja Pasai berjanji untuk menyerahkannya kepada pedagang-pedagang Gujarat, untuk ditukarkan dengan kain Cambay dan barang-barangan dagangan lain dengan harga 100,000 ducat (Meilink-Roelofst 1962:350).

Menurut Meilink-Roelofst (1962:20), tidak dapat diketahui dengan pasti apakah Samudra-Pasai mengambil bahagian yang aktif dalam kegiatan perdagangan. Ibn Batutah, seorang musafir Maghribi, yang pernah singgah di Samudra-Pasai dalam tahun 1346 membuat catatan bahawa dia pernah bertemu dengan jung milik Sultan Pasai di Negeri China. Pada awal abad ke-15 sumber-sumber Cina menyebutkan bahawa utusan-utusan Pasai berkunjung ke Negeri China untuk menghantar ufti dengan memakai jung-jung yang mungkin berasal dari Melaka yang pada waktu itu sedang berkembang sebagai pelabuhan dagang yang besar.

Kontrak dengan Cina telah diwujudkan oleh utusan Pasai sejak abad ke-13. Dari sumber-sumber dinasti Yuan (1280-1367) dapat diketahui bahawa Sultan Malikussaleh mengirim utusannya ke Quilon, India Barat, dalam tahun 1281, sepuluh tahun sebelum Marco Polo datang di Perlak, dan di sana utusan itu bertemu dengan utusan-utusan kaisar Cina (Moens 1955: 360). Sekembalinya dari Quilon, utusan China itu singgah

di Pasai dan menganjurkan agar Pasai mengirimkan utusannya ke Negeri China. Samudra-Pasai lalu mengirimkan 2 orang utusannya yang bernama Hassan dan Sulaiman. Kaisar Cina dari dinasti Ming (1368 – 1643) mengirim pula utusannya yang bernama Cheng Ho ke Samudra pada tahun-tahun 1405, 1414/5 dan 1430. Pada tahun 1405, Cheng Ho sebagai utusan Kaisar Ch'eng-Tsu bertemu dengan Tsai-nu-li-a-pi-ting-ki; iaitu panggilan loghat Cina kepada Sultan Zainal-Abidin Malik al Zahir (1383 – 1405).

Samudra-Pasai sebagai bandar dagang yang maju, mengeluarkan mata wangnya sendiri sebagai alat pembayaran dalam kehidupan per-ekonomiannya. Salah satu diantaranya dibuat dari emas, dinamakan dirham yang akan dibicarakan di bawah ini secara lebih terperinci. Hubungan dagang antara Pasai dengan Melaka tumbuh dengan pesat. Para pedagang Pasai juga memperkenalkan sistem mata wang emas ke Melaka, bermula dari Parameswara, raja Melaka pertama, mengadakan hubungan persahabatan dengan Pasai pada 1414, memeluk agama Islam dan mengikat tali perkahwinan dengan Puteri Pasai (William Shaw & Mohd. Kassim Haji Ali 1970:2).

Kerajaan Samudra-Pasai yang terletak di Kabupaten Aceh Utara Propinsi Daerah Istimewa Aceh sekarang ini, selain berkembang sebagai salah sebuah kota pelabuhan yang penting pada abad ke-13 sampai awal abad ke-16, juga menjadi pusat perkembangan agama Islam yang penting. Para pedagang Gujarat, Parsi, dan Arab disamping berdagang menyebarkan agama Islam. Menurut tradisi lisan dan *Hikayat Raja-raja Pasai*, raja pertama Samudra Pasai yang memeluk agama Islam adalah Meurah Silu dengan gelaran Malik Al-Salih atau Malikussaleh. Pada batu nisannya yang dibuat dari batu granit dalam bahasa Arab dapat diketahui bahawa baginda mangkat dalam bulan Ramadan tahun 696H/1297M.

Sebagaimana penulis pernah kemukakan dalam tahun 1973, pada bahagian belakang batu nisan di kepala makam terpahat sebuah puisi yang dikaji oleh J.P. Moquette (1913:10) dengan bantuan Dr. Van Ronkel mempunyai tulisan berikut:

1. اما الدنيا فناء      ليس الدنيا ثبوت
2. انما له نيا كبيت      نسجه العنكبوت
3. ولقد يكفيك منها      ايها الطالب قوت
4. وي العمر عن قليل      كل من فيها يموت

Adapun terjemahan bebasnya berbunyi demikian:

1. Sesungguhnya dunia ini fana
2. Dunia ini tiadalah kekal

3. Sesungguhnya dunia ini ibarat sarang
4. Yang ditunen oleh laba-laba
5. Demi sesungguhnya memadailah buat engkau dunia ini
6. Hai orang yang mencari kekuatan
7. Hidup hanya untuk masa singkat sahaja
8. Semuanya tentu akan menghembuskan nafas yang penghabisan

Bila kita meninggalkan Pasai, menyeberangi Selat Melaka dan meneliti bahagian sebelah batu nisan kepala makam Sultan Mansur Syah bin Muzaffar Syah, Sultan Melaka yang mangkat pada bulan Rejab 882 Hijrah (1477 Masehi), kita dapati pahatan kata-katanya sebagai berikut (Moquette J.P. 1922:3).

1. انما الدنيا  
ليس الدنيا ثبوت
2. الا انما الدنيا كبيت  
نسجته العنكبوت

Sayang sekali batu nisan makam Sultan Melaka ini tidak dalam keadaan yang terpelihara hingga tidaklah dapat diperoleh puisi itu dengan selengkapnyanya. Meskipun demikian dapatlah kita ketahui bahawa puisi yang terpahat di nisan makam Sultan Mansur Syah ini (1477 M.) sama dengan yang ditatah pada batu nisan makam Sultan Pasai hampir dua abad sebelumnya, kecuali perkataan *illa* pada baris kedua sahaja yang tidak terdapat pada nisan makam Sultan Malik al-Saleh dari Pasai itu.

Apabila kita tumpukan pula pandangan kita dari Melaka ke pantai timur Semenanjung Tanah Melayu, iaitu ke Pahang, terdapatlah sebuah makam yang dahulu dikenali sebagai Ziarat Raja Raden dan sekarang terkenal dengan nama Makam Abdul'l-Jamil di Pekan. Di sini dikebumikan Sultan Pahang ke-3, Sultan Abdul'l-Jamil yang mangkat pada 1511 – 1512 Masehi, keturunan Sultan Mansur Syah dari Melaka.

Pada sebelah batu nisan kepala makam Sultan Pahang ini terdapat pula puisi yang dikaji oleh W. Linehan sebagai berikut:

1. الا انما فتاليس الدنيا ثبوت
2. انما الدنيا كبيت نسجتها العنكبوت منها ولقد يكفيك
3. ايها الطاعن قوت وقليل العمر فيها لك مهموم

Menurut Linehan (1936: 227-29), puisi ini harus disusun dan disempurnakan demikian:

1. الا انما ادلنيا فنا ليس الدنيا ثبوت  
 2. انما الدنيا كبيت نسجتها العنكبوت  
 3. ايها الظاعن منها ولقد يكفيك قوت  
 4. وقليل العمر فيها لك مهموم صموت

Terjemahan bebasnya adalah sebagai berikut:

1. Wahai, sesungguhnya dunia ini fana  
Dunia ini tiadalah kekal
2. Sesungguhnya dunia ini  
Ibarat Sarang yang ditenun oleh laba-laba
3. Hai orang yang berpisah daripadanya  
Memadailah dengan ada yang telah engkau dapatkan
4. Dan pendeknya umur daripadanya  
Kedudukan telah menjadikan engkau senyap

Kerana eratnya hubungan antara Pasai dan Melaka, tentulah terdapat saling pinjam meminjam unsur-unsur kebudayaan antara kedua negara itu. Oleh kerana itu kita cenderung membuat kesimpulan bahawa istiadat memahat puisi pada nisan itu datangnya dari Pasai yang telah mengamalkannya lebih dari setengah abad lamanya sebelum puisi itu sampai ke Melaka. Andaian ini dikukuhkan dengan fakta sejarah bahawa Sultan Abdul'l-Jamil dari Pahang adalah keturunan Sultan Mansur Syah Melaka, dan Sultan Abdul'l-Jamil ini mangkat 34 atau 35 tahun sesudah Sultan Melaka itu. Dengan ini bolehlah diambil kesimpulan bahawa pahatan puisi yang terdapat pada batu nisan Sultan Pahang yang ketiga itu adalah sebagai akibat pengaruh Melaka juga.

Adapun Sultan Pasai I, Malikussaleh mempunyai putera bernama Sultan Muhammad Malik Al-Zahir yang kuburnya berada di samping kubur ayahanda baginda. Pada batu nisan di kepala makam Sultan Muhammad terdapat tulisan dalam bahasa Arab yang terjemahannya lebih kurang demikian:

Kubur ini kepunyaan tuan yang mulia Sultan Al-Malik al-Zahir cahaya dunia dan sinar agama Muhammad bin al-Malik-al-Salin mangkat pada malam Ahad dua belas hari bulan Zulhijjah tahun 726 Hijriah.

Sultan Muhammad yang juga disebut-sebut dalam kitab *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja-raja Pasai* menurut perhitungan tahun Masehi berpulang ke rahmatullah pada hari Ahad 9 November 1326.

Selama Sultan Muhammad memerintah Kerajaan Samudra Pasai (1297 – 1326), beredar dalam pasaran alat pembayaran berupa wang emas dengan deskripsi sebagai berikut:

Mata Wang : mas  
 Muka : Muhammad Malik al-Zahir  
 Belakang : al-Sultan al-adil  
 Diameter : 10 mm  
 Berat : 0,60 gram  
 Mutu : 1/87 karat

Mata wang emas Sultan Muhammad terdapat juga dalam koleksi Leftenan Jenral G.C.E. Van Daalen, seorang pegawai tinggi tentera Hindia Belanda yang menggemari barang-barang purba. Mengenai hal ini J. Hulshoff Pol, mantan anggota Dewan Hindia Belanda (Raad van Nederlandsch-indie) pernah menulis dalam tahun 1929 (Cowan H.K.J. 1938).

Dalam koleksi H. Scheffer, yang pernah menjadi *burgeemester* (Dato' Bandar atau Walikato) Cirebon, terdapat sebuah mata wang emas kerajaan Samudra-Pasai yang pada bahagian mukanya tertera tulisan "Mansur Malik al-Zahir" dan di bahagian belakang terdapat tulisan "al-Sultan al-adil". Seorang sarjana Belanda bernama H.K.J. Cowan pernah membahasnya dalam sebuah makalahnya yang ditulis dalam tahun 1938 mengenai dirham Sultan Mansur ini.

Di sini disajikan deskripsi tentang beberapa mata wang emas yang beredar sebagai alat pembayaran yang sah di zaman Kerajaan Samudra-Pasai yang memperlihatkan betapa majunya perkembangan perdagangan kerajaan Islam ini.

1. Sultan Ahmad Malik al-Zahir (ca. 1346 – 1383)
  - Muka : Ahmad Malik al-Zahir
  - Belakang : al-Sultan al-adil
  - Diameter : 10 mm
  - Berat : 0,60 gram
  - Mutu : 17 karat
2. Sultan Callah al-Din (ca. 1405 – 1412)
  - Muka : Callah al-Din
  - Belakang : al-Sultan al-adil
  - Diameter : 10 mm
  - Berat : 0,60 gram
  - Mutu : 17 karat
3. Sultan Abd-Allah Malik al-Zahir (ca. 1501 – 1513)
  - Muka : Abd-Allah Malik al-Zahir
  - Belakang : al-Sultan al-adil
  - Diameter : 10 mm
  - Berat : 0,60 gram
  - Mutu : 17 karat

Adapun pengukur nilai dirham Pasai belum lagi kita ketahui. Sebagai sekadar petunjuk hanya dapat dilihat pada wang emas atau dirham Aceh. Dalam sebuah buku yang terbit pada tahun 1691 mengenai perhitungan nilai mas dan perak serta mengenai ukuran dan berat di benua Timur, disebutkan bahawa di Aceh tail adalah 16 mas (dirham). Satu ringgit Spanyol atau biasa juga disebut *reyal* atau ringgit meriam sama dengan empat mas (dlm. *de Respective Gewesten Van Indie* 1691). Menurut Van Langen (1888) nilai dirham Sri Sultanah Taj al-'Alam Safiat al-Din Syah (1641 – 1675) adalah f. 625 (enam puluh dua setengah sen Hindia Belanda).

J. Kreemer (1923) menyebutkan bahawa:

- 1 tail = 4 *pardu* (*pardu* adalah mata wang perak yang digunakan oleh Portugis di Goa)
- 1 *pardu* = 4 dirham (*mace*, mas)
- 1 dirham = 4 kupang (mata wang perak yang kecil)
- 1 *kupang* = 400 *keueh* (bhs. Portugis: *caxa*, terbuat dari kuningan dan timah; bhs. Belanda : kasja atau *kasje*)

Telah disebutkan di awal makalah ini bahawa raja-raja Samudra-Pasai merasa perlu memahatkan pada sisi belakang mata wang emasnya ungkapan *al-Sultan al-adil*. Demikianlah perihal adil ini sangat ditekan oleh umat manusia dari zaman bahari sampai ke masa kini. Kecuali dari kitab suci al-Qur'an tidaklah dapat disusurgalurkan dari kitab mana Sultan-sultan Kerajaan Samudra-Pasai pada abad XIV mengambil ungkapan "raja adil" untuk dicantumkan pada mata wang yang mereka keluarkan. Besar kemungkinannya raja-raja Pasai mendasarkannya pada al-Qur'an al-Karim XVI:90 yang terjemahannya adalah sebagai berikut:

Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat, dan Allah melarang perbuatan keji, kemungkaran, dan kedurhakaan. Dia memberi pelajaran kepadamu agar kamu mengerti.

Hal ini didasarkan kepada bukti kutipan sebahagian ayat tersebut di atas yang termaktub dalam kitab *Taj al-Salat* atau *Taju'ssalatin* (disingkat TS), iaitu *Kitab Mahkota Segala Raja*, yang berisi pedoman cara mengendalikan pemerintahan berdasarkan ajaran Islam yang tersebar di kerajaan-kerajaan Islam di Asia Tenggara. Sebahagian ayat ini yang dikutip dari fasal ke enam TS adalah demikian:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ

Yang ertinya : “Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebajikan”.

Dari bahan-bahan yang dikemukakan di atas, tidaklah berlebihan jika dibuat kesimpulan bahawa Samudra-Pasai adalah pusat agama Islam. Pasai memainkan peranan penting pula dalam Islamisasi Melaka dan istana Sultan merupakan pusat teologi Islam (Meilink-Roelofst 1962).

Ibn Batutah ada menulis bahawa ia menyaksikan Sultan dengan memakai jubah putih bersembahyang Jumaat dan setelah solat sunat baginda tidak segera kembali ke istana, tetapi berbincang dengan para ulama mengenai masalah-masalah keagamaan. Ibn Batutah juga menceritakan bahawa di istana Raja Pasai dia menikmati keindahan kuda-kuda menari dengan perpelana indah dihiasi sutera dengan bergelang kaki. Tarian seperti itu pernah pula disaksikan di istana Delhi, dan di sana juga ia bertemu dengan utusan Sultan Pasai yang bernama Amir Dawlata (Gibb H.A.R 1953).

*Sejarah Melayu* menceritakan bahawa Pasai dikunjungi oleh banyak ulama dari dunia Islam. Di samping menjadi pusat pengajian Islam, masyarakat Samudra-Pasai menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang telah tinggi taraf perkembangannya. Kecuali dari bahasa awal *Hikayat Raja-raja Pasai* yang ditulis dalam bahasa Melayu Klasik yang diperkirakan dalam abad ke-14, betapa tingginya bahasa Melayu di Pasai terlihat dari sebuah kitab mengenai hukum syara' Islam yang ditulis pada abad ke-17 oleh seorang ulama besar bernama Syaikh Abd al-Rauf al-Singkili al-Mulaqqab Teungku Syiah Kuala dalam masa pemerintahan Ratu Taj al-'Alam Safiat al-Din Syah (1641-1675). Dalam kitab yang berjudul *Mir'at al-Tullab fi Tahsil Ma'rifat Ahkami'l-Syar'iyah li'l-malik al-Wahhab*, iaitu *Cermin bagi mereka yang Menuntut Ilmu Fiqh untuk Memudahkan Mengenal Segala Hukum Syara' Allah*, yang dikarangnya pada 1663 M atas perintah Sultanah Safiat al-Din Syah itu, disebutkan bahawa bahasa yang dipakai oleh pengarangnya adalah bahasa Melayu yang dipakai di Pasai.

Sebuah catatan rasanya patut dikemukakan mengenai makam yang terindah, dibuat dari batu pualam, yang terdapat di kawasan peninggalan Islam di Samudra-Pasai. Yang dimakamkan di situ adalah Sultanah Bahiyah (sebahagian penulis membacanya Nahrasiyah) yang mangkat pada 831 H/1428 M. Makamnya ini mempunyai persamaan dengan makam 'Umar ibn Akhmad al Kazaruni di Cambay, Gujarat, yang mangkat pada 734 H/1333 M, yang juga hampir sama dengan makam Sunan Gresik, Maulana Malik Ibrahim. Pada makam Ratu Bahiyah ini terpahat ayat al-Qur'an surat II: 256, yang terkenal dengan sebutan ayat Kursi.



Di samping itu terdapat pula makam dua orang tokoh dengan hiasan-hiasan yang indah dan disertai dengan kaligrafi yang indah pula, yang seorang datang dari Iraq, Baghdad, dan yang seorang lagi berasal dari keturunan Iran. Yang dari Iraq adalah Pangeran dinasti Abbasiyah, cicit khalif al-Muntasir, bernama Pangeran Abdullah yang meninggalkan tanah airnya, kerana Iraq diserang oleh Mongol. Pangeran ini berkunjung ke Delhi dan dari sana ia memilih Samudra-Pasai sebagai tempat persinggahan yang akhir. Baginda mangkat di Pasai pada tahun 1407 H.

Satu penemuan yang menarik di Pasai ialah terdapatnya puisi di Asia Tenggara yang terpahat pada makam dengan tulisan Arab dalam bahasa Parsi berbentuk ghazal. Puisi ini terpahat pada kubur Na'ina Husam al-Din yang menurut inskripsi di nisannya berpulang ke rahmatullah pada bulan Syawal 823 H/1420 M. Selain terdapatnya pahatan pohon yang indah, terdapat inskripsi yang berisi ayat al-Qur'an surat II:256 seperti yang tersurat pada makam Ratu Bahiyah.

Puisi yang terpahat pada nisan makam ini adalah karya seorang penyair Parsi yang termasyur iaitu Shaikh Muslih al-Din Sa'di (1193-1292) (Cowan H.K.J 1940). Terjemahan bebasnya berbunyi :

1. Tiada terhitung jumlah tahun-tahun yang melalui bumi kita, bagai mata air mengalir dan hembusan angin lalu.
2. Bila kehidupan ini tak lain hanyalah seperangkat kumpulan hari-hari manusia,  
Mengapakah orang-orang yang menyinggahi bumi ini merasa angkuh?
3. Oh sahabat! Jika kau lalui makam seorang musuh, janganlah kau bersukacita, kerana hal semacam itu dapat jua menimpa dirimu.
4. Wahai yang bercelik mata dengan kesombongan, debu-debu akan merasuki tulang belulang laksana pupur celak memasuki kotak penyimpanannya.
5. Barang siapa pada hari ini menyombongkan diri dengan hiasan bajunya, maka esok hari debu badannya yang terkubur hanya tinggal menguap.

[Dunia ini penuh persaingan dan sedikitnya kasih sayang: ketika ia tersedar seluruh peristiwa yang dilaluinya telah pergi meninggalkan dirinya sendiri tanpa daya].

[Demikianlah keadaan sesungguhnya badan wadag yang kau lihat terbujur di dalam tanah;

Barangsiapa menjumpai peristiwa yang penting ini dari kehidupannya nanti, kemanakah ia harus menghindar?].

6. Tak ada yang dapat memberi pertolongan kepadanya, kecuali amal saleh.

Sa'di bernaung di bawah bayang Tuhan yang Maha Pemurah.

Ya Rabbi, Jangan Kau siksa hambaMu yang tak berdaya lagi malang ini.

Dosa-dosa senantiasa berasal dari kami, sedang Engkau ya Tuhan, penuh melimpahkan belas kasih].

#### KESIMPULAN

Makalah ini telah menyusur-galur beberapa tinggalan sejarah di kawasan Samudera-Pasai sebagai kawasan yang pertama menerima Islam di Kepulauan Melayu-Nusantara. Di antara kesan-kesan sejarah yang dibincangkan termasuklah artifek budaya seperti wang syiling serta tulisan kaligrafi yang terdapat pada batu nesan di kawasan sekitarnya. Selain terkenal sebagai tapak bermulanya Islam di Asia Tenggara, kawasan Samudera-Pasai juga terkenal kerana peningkatan aktiviti perdagangan selaras dengan perkembangan agama Islam di antara abad ke-13 hingga awal abad ke-16.

#### RUJUKAN

- Cowan H.K.J. 1938. Bijdrage tot de kennis der geschieden van het rijk Samoedra Pase. *TBG*: 206-207.
- Cowan H.K.J. 1940. A Persian inscription in North Sumatra. *TBG*: 18 – 20.
- Ibn Battuta. 1953. *Travels in Asia and Africa 1325 – 1354*. Translated and Selected by H.A.R. Gibb, 273.
- J. Hulshoff Pol, *De Gouden Munten Van Noord-Sumatra*.
- Kreemer, J. 1923. *Atjeh* 11:23.
- Linehan, W. 1936. A History of Pahang. *JMBRAS*: 227, 229.
- Meilink-Roelofst, M.A.P. 1962. *Asian Trade and European Influence*.
- Moens J.H. 1955. Rijken der Parfums en Specerijen. *BKI*: 360.
- Moquette J.P. 1913. De Eerste Vorsten van Samoedra Pase (Noord-Sumatra). *Rapporten Van den oudheidkundige Dienst in Nederlands Indie*.
- Moquette, J.P. 1922. The Grave-Stone of Sultan Mansur Shah of Malacca, (1458 – 1477 A.D). *JSBRAS*: 3.
- T. Ibrahim Alfian. 1979. *Mata Wang Emas Kerajaan-kerajaan di Aceh*.
- Tome Pires, *Suma Oriental*, 1:44)
- Van Langen. K.F.H. 1888. De Inrichting Van het Atjehsche staatsbestuur onder het Sultanaat, *BKI*, 1888:429.
- William Shaw & Mohd. Kasim Haji Ali. 1970. *Malacca Coins*.

Fakultas Sastera  
Universitas Gadjah Mada  
Yogyakarta  
Indonesia